

**NO. SOALAN: 459**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA  
MOHAMAD IMRAN BIN ABD  
HAMID (B)  
(LUMUT)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan status projek RM9 bilion pembinaan 6 buah '*Littoral Combatant Ship*' pada masa ini dan nyatakan juga berapa banyak kos telah dibayar dan berapa banyakkah kandungan tempatan (*local content*) bagi keseluruhan projek ini.**

**JAWAPAN:**

**Pada masa ini, kemajuan kerja pembinaan kapal LCS ini telah pun selesai fasa *Concept Design* dan kini di dalam fasa *Basic Design* di mana sehingga 30 Mac 2015, peratusan kemajuan keseluruhan adalah sebanyak 17.5% di peringkat akhir *Basic Design*.**

**Kerja-kerja pembinaan fizikal di Limbungan Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd juga telah bermula pada 5 Mei 2015 dan sehingga kini, status pembayaran keseluruhan adalah berjumlah RM 2.2 bilion. Manakala bagi *Local Content* masih belum dimuktamadkan oleh Bahagian Industri Pertahanan.**

**RT48/460**

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA  
MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID (B) [ LUMUT ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Laksamana Pertama Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [ Lumut ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Sekolah Kebangsaan Lekir (Batu 8 Lekir) dalam DUN Pasir Panjang dan Parlimen Lumut akan di naik taraf memandangkan sekolah berkenaan sudah berusia lebih 100 tahun dan beberapa bahagian bangunan sangat memerlukan baik pulih segera.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil berat terhadap keadaan fizikal sekolah-sekolah lama dan sentiasa berusaha melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan naiktaraf sekolah-sekolah tersebut. Dalam perancangan pembangunan pendidikan, keutamaan diberi kepada sekolah-sekolah yang daif serta mempunyai bangunan yang telah lama dan usang, termasuk SK Lekir.

Pembinaan Bangunan Gantian 6 Bilik Darjah Dan Lain-Lain Kemudahan Di SK Lekir, Sitiawan telah dicadang dalam RMKe-11. Namun, keputusan pelaksanaannya bergantung kepada kelulusan Agensi Pusat yang berkaitan dan kedudukan kewangan kerajaan.